

Ruj kami : AKKM:1/7/3 Jld.5 (63)
Tarikh : 27 Mei 2025

Kepada Semua
Koperasi / Organisasi Pelanggan
Biro Perkhidmatan ANGKASA (BPA)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

PEKELILING KOPERASI BILANGAN: 04 /2025.

MAKLUMAN “GO-LIVE” BAGI SISTEM POTONGAN GAJI YANG BARU (e-SPGA)

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa ANGKASA akan melancarkan Sistem Potongan Gaji yang baharu, iaitu **e-SPGA**, secara rasmi pada **17 Jun 2025**. Sehubungan itu, berikut adalah panduan dan maklumat semasa tempoh peralihan sistem secara terperinci:

- a. 3 Jun 2025, tarikh akhir terimaan borang bagi tuntutan Julai 2025;
- b. 4 Jun 2025, bulan mula dalam SPGA akan bertukar ke Ogos 2025;
- c. 10 Jun 2025, data potongan Julai 2025 akan diproses dan kemaskini;
- d. 12 Jun 2025, SPGA boleh diakses sehingga pukul 6.00 petang;
- e. Kepada pelanggan yang menghantar imej secara pukal (*bulk*), bagi proses dokumen bertarikh 12 Jun 2025, mohon hantar pada hari Selasa 17 Jun 2025 untuk tindakan kemaskini;
- f. 17 Jun 2025, 8.00 pagi sistem baru e-SPGA boleh diakses;
- g. Koperasi / Organisasi Pelanggan boleh login webportal e-SPGA. Kod pengguna adalah kekal sama. kata laluan ditukar ke BPA & diikuti 6 digit terakhir No KP. Contoh: (BPA123456) dan skrin tukar kata laluan akan dipaparkan.

3. Link URL bagi Webportal adalah seperti berikut:

- a) Webportal : <https://espga.sola.my/coop>
- b) Imbas Kod QR di bawah untuk terus akses ke sistem:



4. Dibawah adalah spesifikasi yang perlu ada bagi mengakses kepada Sistem e-SPGA.

Peralatan / Perisian	Spesifikasi Minimum
Komputer / Laptop	Windows 10 dan ke atas / macOS terkini
Pelayar Web	Google Chrome (versi terkini)
Sambungan Internet	Stabil dan sekurang-kurangnya 10Mbps
Scanner	Model yang menyokong format PDF & JPG
Antivirus	Dikemas kini dan tidak menyekat capaian URL
PDF Reader	Adobe Reader atau setara

5. Sebarang bantuan atau maklumat lanjut, sila hubungi kami di talian 03-78008187, 03-78008150, atau 03-78846509. Anda juga boleh menghubungi kami melalui emel di espga_admin@angkasa.coop.

6. Sehubungan dengan itu, semua koperasi dan organisasi pelanggan BPA adalah diminta untuk mengambil maklum mengenai pelaksanaan sistem baharu e-SPGA ini. Diharapkan pelancaran dan penggunaan sistem ini akan dapat melancarkan lagi urusan berkaitan Sistem Potongan Gaji ANGKASA secara lebih efisien dan teratur.

Sekia, terima kasih.

“SADIK, AMANAH, TELUS”

Yang benar,



MOHAMAD DARULNIZAM BIN MAT DARUS
Pengurus Besar
Bahagian Perkhidmatan Kredit &Kewangan
ANGKASA